

Headline	FRIM `nyawa saya` - Abd. Latif		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	17	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	537 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,613
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,840



## FRIM 'nyawa saya' - Abd. Latif

PENGIKTIRAFAN Tapak Warisan Dunia (WHS) untuk FRIM penting sebagai lambang usaha penghutanan semula kawasan terosot dan gersang terbaik dibuat oleh manusia.

Ketua Pengarah FRIM **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod** berkata, komitmen negara megekalkan kawasan hijau dan pemuliharaan biodiversiti agar terus wujud sebagai khazanah alam khususnya spesies terancam boleh dipelajari, disampaikan dan diwariskan kepada generasi akan datang.

"Usaha penanaman, melindungi dan memulihara menjadi téras budaya dan amalan masyarakat Malaysia bagi tetap menjaga sumber asli dan alam sekitar yang terialu berharga bagi kelestarian manusia. "Inej Malaysia dan FRIM sebagai penjaga alam sekitar yang komited dapat membantu dalam megekalkan integriti penjagaan hutan yang tinggi, serta membantu nilai ekonomi dan *chain of custody* antarabangsa yang banyak menekankan pendekatan mesra alam sekitar dan penjagaan yang seimbang dan lestari," ujarnya.

Katanya, apabila memperoleh pengiktirafan WHS nanti, FRIM akan diuarukkan sebagai destinasi ekopelancongan dan pusat rujukan perhutanan dan alam sekitar.

Justeru, nilai tambah FRIM akan jadi lebih baik dan menjadi model kepada dunia.

"FRIM sahaja lah yang saya ada, untuk diabadikan sebagai sebuah bukti pengorbanan dan kasih sayang. Oleh itu jangan dipersoakan kurniahan lahi sebaliknya perlu terus dilindungi dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat yang pelbagai budaya dan kepercayaan," ujarnya.



DR. ABD. LATIF MOHMOD merasakan dirinya begitu dekat dengan hutan ibarat isi dengan kuku.

### INFO

#### Cabaran tapak

- Tekanan daripada aktiviti pembangunan sekitaran.
- Impak pembangunan aktiviti rekreasi dan eko-pelancongan
- Ancaman petir ke atas aset hidup wanian